

28 DISEMBER 2017

## Dua lelaki miliki syabu tidak mengaku rasuah polis



ANGGOTA SPRM mengiringi Mohd Shairulhaffiez (dua dari kiri) dan rakannya, Syaiful Anuar (kanan) ke Mahkamah Sesyen Butterworth.

**Butterworth**

### Dua lelaki miliki syabu tidak mengaku rasuah polis

Dua lelaki dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Butterworth di sini, semalam kerana cuba menawarkan rasuah kepada seorang anggota polis, pada Julai lalu.

Namun kedua-dua tertuduh mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas kertas pertuduhan dibacakan jurubahasa. Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh, Mohd Shairulhaffiez Mohamad Yusoff, 33, dan Syaiful Anuar Che Khair,

28, pada jam 6.30 petang 26 Julai lalu di Medan Selera Teluk Bahang, Pantai Jerejak didakwa secara rasuah menawarkan suapan wang tunai RM5,000 kepada seorang anggota polis di Balai Polis Bayan Baru sebagai dorongan untuk tidak menangkap mereka kerana memiliki dadah jenis syabu. Kedua-dua mereka didakwa mengikut Seksyen 17(b), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang

memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana lebih tinggi.

Tertuduh minta dibicarakan sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Nor Aini Yusof.

Tertuduh diwakili peguam Mohd Izad Bughary, manakala Mohd Shairulhaffiez tidak diwakili peguam.

Setiap tertuduh dibenarkan ikat jamin RM10,000 berserta seorang penjamin sementara menunggu tarikh sebutan semula pada 30 Januari depan.

#### **FAKTA**

Kedua-dua tertuduh mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas kertas pertuduhan dibacakan